

U B574 DEB
MAHATHIR - DEWAN R R R

SIBU, 4 JULAI (BERNAMA) -- RAKYAT NEGARA INI SEDAR BETAPA PENTINGNYA MENJAGA PERPADUAN DAN MEMUPUK SEMANGAT PERSEFAHAMAN BAGI KESEJAHTERAAN MEREKA SENDIRI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

+OLEH ITU MEREKA PERLU DIBERI TEMPAT ATAU SALURAN UNTUK MEMUPUK NILAI-NILAI INI AGAR IA DAPAT DIJALIN UNTUK MENJADI TONGGAK KEKUATAN BANGSA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN PUSAT SIVIK ATAU DEWAN SUARAH SIBU BERHARGA \$8 JUTA DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA MALAYSIA YANG MEMPUNYAI RAKYAT BERBILANG BANGSA DAN PELBAGAI LATAR BELAKANG KEHIDUPAN DAN KEBUDAYAAN SUDAH TENTU MEMPUNYAI BANYAK RAGAM, PERANGAI DAN PENDAPAT.

+DAN RAKYAT SEDAR BAHAWA WALAU APAPUN MEREKA PERLU MENDENGAR SUARA ATAU PENDAPAT MAJORITI,+ KATANYA.

BELIAU BERASA BANGGA KERANA RAKYAT SARAWAK YANG MEMPUNYAI PENDUDUK BERBILANG KAUM DENGAN CIRI-CIRI KEHIDUPAN YANG BERBEZA TELAH SEDAR AKAN HAKIKAT BAHAWA MEREKA HARUS TUNDUK DENGAN PROSES DEMOKRASI INI. -- LAGI.

1655MST 04 07 88

D154

U B580 DEB
MAHATHIR - DEWAN 2 SIBU

WALAUPUN MEREKA DARIPADA PELBAGAI KAUM, TIADA RUSUHAN YANG BERLAKU, KATANYA.

+KERAJAAN AKAN SENTIASA MEMBERI PERHATIAN UNTUK MEMPERTEMUKAN RAKYAT DARIPADA PELBAGAI KAUM BAGI MENJALINKAN HUBUNGAN DAN MEMUPUKKAN PERSEFAHAMAN ANTARA MEREKA,+ KATA BELIAU.

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD BERKATA PEMBINAAN DEWAN SEPERTI ITU SELARAS DENGAN DASAR KERAJAAN UNTUK MEMAJUKAN RAKYAT.

+KITA TIDAK MAHU SOAL PEMBANGUNAN BERKISAR HANYA DALAM BIDANG POLITIK KERANA POLITIK KADANGKALA MENEMUI JALAN BUNTU UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH RAKYAT,+ KATANYA.

KERAJAAN MAHU RAKYAT SENDIRI BERINISIATIF UNTUK MEMAJUKAN DIRI SENDIRI DENGAN MENGGUNAKAN SEMANGAT MUHIBAH, KATANYA SAMBIL MENAMBAH BAHAWA BELIAU KHUATIR TENTANG PERUBAHAN NILAI SOSIAL HARI INI YANG MENJADIKAN RAKYAT MENJAUHI KEBUDAYAAN DAN NORMA HIDUP MEREKA SEHARIAN. -- LAGI.

1709MST 04 07 88

D157

U B582 DEB
MAHATHIR - DEWAN 3 SIBU

BELIAU BERKATA, SEBAGAI CONTOHNYA, KINI SEMAKIN RAKYAT BERTAMBAH MAKMUR DAN KAYA, MEREKA SEOLAH-OLAH SEMAKIN KEHILANGAN MASA YANG MENCUKUPI UNTUK BERGAUL DENGAN ANGGOTA MASYARAKAT LAIN.

WALAUPUN KERAJAAN MAHU RAKYAT MENJADI MEWAH, MEREKA HENDAKLAH JUGA KAYA DENGAN NILAI-NILAI SOSIAL DAN KEBUDAYAAN, KATA BELIAU SAMBIL MENGGESA MASYARAKAT MENGELOKKAN GEJALA SEUMPAMA ITU.

DENGAN LEBIH BANYAK PERTEMUAN, SEGALA FIKIRAN, ASPIRASI DAN KEBUDAYAAN DARIPADA PELBAGAI KAUM DAPAT DITERAPKAN SEHINGGA MENJADIKANNYA SATU SALURAN PERTEMUAN DARIPADA PELBAGAI ARAH, KATA DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB.

BELIAU BERKATA HANYA DENGAN MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA RAKYAT BERBILANG KAUM SEBENARNYA MEMPUNYAI BANYAK PERSAMAAN DARIPADA SEGI NILAI DAN SIKAP SAHAJALAH, MEREKA MAHU MENERIMA KEBUDAYAAN SATU SAMA LAIN SEBAGAI SATU KEBUDAYAAN KEBANGSAAN. -- BERNAMA.

1714MST 04 07 88